

23 APR 1996

Mahathir-Pekeliling

PEKELILING BUKAN BAHAN KETAWA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Salbiah Said

MALTA, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata surat pekeling yang dihantar ke jabatan-jabatan kerajaan bukanlah bahan ketawa.

"Kerajaan telah melakukan banyak perubahan untuk meningkatkan kelancaran jenteranya tetapi sesetengah kakitangan awam tidak menyukainya kerana mereka rasa terlalu banyak pekeling diedar ke pelbagai jabatan," katanya.

"Pekeling itu perlu, oleh itu jangan mempersendakannya. Saya tidak nampak cara lain untuk kita berkomunikasi jika kita tidak menghantar surat pekeling itu," katanya kepada wakil-wakil media Malaysia di sini malam tadi sebelum berlepas ke Pisa, Itali, untuk lawatan peribadi.

Dr Mahathir diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir berada di sini untuk menyampaikan ucapan utama pada persidangan dua tahun sekali Persatuan Pentadbiran dan Pengurusan Awam Komanwel (Capam). Persidangan itu dimulakan Isnin lepas.

Perdana Menteri Malta Dr Edward Fenech Adami merasmikan persidangan empat hari yang disertai perwakilan dari 50 negara anggota itu.

Dr Mahathir berkata Capam boleh memainkan peranan penting dalam pertukaran maklumat mengenai perubahan yang berlaku terutamanya di negara-negara anggota Komanwel.

Mengenai dasar Penswastaan Malaysia, Perdana Menteri berkata beliau gembira dengan tahap kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta sejak ia dilaksanakan pada 1980 terutamanya dalam permohonan lesen atau mendapat kelulusan daripada agensi-agensi kerajaan atau pihak berkuasa berkenaan.

Ketika ditanya mengenai Akta Interpretasi, satu perubahan besar yang diperkenalkan oleh kerajaan Malta pada Jumaat lepas bagi memastikan kerajaan menjadi lebih telus untuk diawasi umum, Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai Akta Rahsia Rasmi.

"Tidak ada kerajaan yang boleh berfungsi secara telus sepenuhnya kerana ini boleh memberi kesan sebaliknya...rasuah boleh berlaku.

"Jika kita memberitahu semua yang kita mahukan, orang boleh memaklumkan kepada orang tertentu yang berminat untuk memasuki tender. Kita hanya boleh memberitahu maklumat yang berkaitan sahaja.

"Saya rasa setiap kerajaan harus mengekalkan rahsia pada tahap tertentu. Jika tidak, sukar untuk kita mengendalikan pentadbiran kita."

Mengenai penswastaan, beliau berkata, Malaysia lebih dahulu melaksanakannya dan sudah jauh ke depan berbanding negara-negara lain.

Sesetengah negara telah berhenti meneruskan penswastaan tetapi Malaysia masih lagi aktif kerana ia mempunyai konsep penswastaan yang baik.

Umpamanya, penswastaan bagi sesetengah negara ialah memindahkan pekerja-pekerja yang terlalu ramai. "Di Malaysia, kita memberi jaminan bahawa pekerja tidak akan kehilangan tempat akibat penswastaan. Gaji yang dibayar kepada mereka harus lebih baik daripada apa yang ditawarkan kerajaan," katanya.

"Contohnya, Pelabuhan Klang. Pekerja-pekerjanya yang memutuskan untuk meswastakan pelabuhan itu kerana mereka berpendapat pekerja terminal kontena mendapat gaji yang lebih tinggi dan bonus dan mereka tidak mahu ketinggalan. Jadi kerajaan terpaksa meswastakan keseluruhan pelabuhan itu.

"Di Malaysia sektor swasta mungkin mengemukakan cadangan untuk membina jalan raya yang menghubungkan antara satu tempat dengan satu tempat

walaupun kerajaan tidak mempunyai rancangan berbuat demikian. Jika kita mendapati cadangan itu baik, maka kita akan membenarkannya untuk diswastakan."

Setakat ini, kerajaan telah menyenaraikan kira-kira 200 projek penswastaan yang berpotensi. Daripada jumlah itu, sebanyak 100 telah diswastakan.

Mengenai objektif mencapai standard ISO 9000 dalam agensi-agensi kerajaan, Dr Mahathir berkata ia satu inisiatif yang berani yang harus digunakan oleh keseluruhan perkhidamatan awam.

Standard ISO 9000 mengandungi 20 elemen genting bagi penubuhan sistem pengurusan berkualiti. -- BERNAMA

SS NAK NMO